

NO. SOALAN: 363

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan takrif Islam seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan dan sejauh mana ia diguna pakai dalam konteks penguatkuasaan di negara ini.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan **Islam ialah agama bagi Persekutuan**, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Penjelasan terhadap perkara tersebut dapat dilihat pada beberapa kes yang diputuskan di Mahkamah seperti berikut:

- i. Dalam kes **Meor Atiqulrahman bin Ishak & Ors v. Fatimah binti Sihi & Ors [2000] 5 MLJ 375** oleh Y.A Hakim Mohd Noor Abdullah memutuskan seperti berikut-

“Pada pendapat saya, Islam ialah ugama bagi Persekutuan tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan ‘aman dan damai’ bermakna Islam adalah ugama utama di antara ugama-ugama lain yang dianuti di Negara ini seperti Kristian, Buddha, Hindu dan selainnya. Islam bukan setaraf dengan ugama lain, bukan duduk berganding bahu atau berdiri sama tegak. Ia duduk di atas, ia berjalan dahulu, terletak di tempat medan dan suaranya lantang kedengaran. Islam ibarat pokok jati tinggi, teguh dan terampil. Jika bukan sedemikian Islam bukanlah ugama bagi Persekutuan tetapi adalah salah satu di antara beberapa ugama yang dianuti di Negara ini dan setiap orang sama-sama bebas mengamalkan mana-mana ugama yang dianutinya, tiada lebih satu dari yang lain.”

- ii. Manakala dalam kes **Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain [2007] 4 MLJ 585** di peringkat Mahkamah Persekutuan, YAA Tun Ahmad Fairuz (Ketua Hakim Negara pada masa tersebut) telah merujuk kepada kes **Che Omar bin Che Soh v Public Prosecutor (1988) 2 MLJ 55** yang mengiktiraf bahawa *“Islam itu bukan sahaja suatu himpunan dogma-dogma dan ritual-ritual tetapi ia adalah juga suatu cara hidup yang lengkap merangkumi semua bidang aktiviti manusia, persendirian atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau kehakiman.”*

iii. Dalam penghakiman yang sama, YAA Tun Ahmad Fairuz turut memetik kata-kata YA Abdul Hamid bin Mohamad (Hakim Mahkamah Rayuan pada masa tersebut) dalam kes **Kamariah bte Ali dan lain-lain v Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi** [2002] 3 MLJ 657, antara lain, seperti yang berikut:

“...Ini kerana kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berlainan daripada kedudukan agama-agama lain. Pertama, hanya Islam, sebagai satu agama, yang disebut dengan namanya dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu sebagai ‘agama bagi Persekutuan’ (‘the religion of the Federation’) – Perkara 3(1).”

Berdasarkan fakta-fakta di atas, adalah jelas bahawa Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telah mengiktiraf kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan bukanlah merupakan suatu agama upacara (*ceremonial religion*) semata-mata.

Dalam konteks penguatkuasaan di negara ini, Kerajaan sentiasa peka dan mengambil langkah-langkah yang serius untuk melindungi dan mempertahankan kedudukan serta kesucian agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Sehubungan itu, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak-pihak yang cuba mempertikaikan kedudukan agama Islam kerana ia melibatkan sensitiviti di kalangan masyarakat berbilang kaum dalam negara ini yang boleh menimbulkan ketidakstabilan dan menggugat keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.